



SEPANG
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG



KELAB SUKAN & KEBAJIKAN
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Pertandingan Memancing 2017

TAMAN TASIK CYBERJAYA

(Kod GPS 2.934820, 101.640098)

13 Mei 2017 (Sabtu) | 8.30 Pagi - 12.30 Tghari

Maklumat, Syarat Dan Peraturan

1.0 TARIKH DAN MASA PERTANDINGAN

Tarikh Pertandingan Memancing adalah pada **13 Mei 2017** iaitu pada hari **Sabtu (8:30 pg hingga 12:30 tgh)**.

2.0 LOKASI PERTANDINGAN



3.0 PENYERTAAN, PENDAFTARAN DAN PENGESAHAN PENDAFTARAN

3.1 PENYERTAAN

- i. Penyertaan adalah terbuka kepada orang ramai (warganegara sahaja).
- ii. 1,000 penyertaan terawal akan mendapat t-shirt percuma.
- iii. Penyertaan dikira selepas bayaran dibuat oleh peserta.
- iv. Peserta perlu memberikan nama penuh, nombor kad pengenalan dan nombor telefon yang sama setiap kali mendaftar.

3.2 PENDAFTARAN

Pendaftaran untuk penyertaan pertandingan adalah seperti berikut:

- i. Kompleks Majlis Perbandaran Sepang bermula pada **11 & 12 Mei 2017 (Khamis & Jumaat)**.
Waktu urusan kaunter dibuka pada jam:
 - 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari
 - 2.00 hingga 5.00 petang
- ii. Pendaftaran secara atas talian (*online*) di laman sesawang <http://www.mpsepang.gov.my> bermula pada **03 April 2017** dan berakhir pada **12 Mei 2017, jam 12.15pm**.
- iii. Tapak pertandingan bermula jam **06.00 pagi sehingga 7.30 pagi, 13 Mei 2017**.

3.3 PENGESAHAN PENDAFTARAN

- i. Peserta perlu menyimpan semua resit penyertaan sebagai bukti penyertaan sekiranya berlaku kesilapan dalam senarai pemenang yang dikeluarkan oleh penganjur.
- ii. Kaunter pendaftaran akan dibuka bermula pada jam 6.00 pagi pada hari pertandingan berlangsung.
- iii. Sila pastikan peserta membawa kad pengenalan semasa membuat pengesahan.

4.0 YURAN PENYERTAAN

- i. Yuran penyertaan ialah **RM60.00** bagi setiap joran yang digunakan.
- ii. Yuran penyertaan tidak akan dikembalikan jika peserta membatalkan penyertaan.
- iii. Semua peserta perlu memastikan perkara-perkara berikut diperolehi selepas pengesahan pendaftaran:
 - ✓ Tag joran;
 - ✓ Resit pendaftaran peserta;
 - ✓ Kupon cabutan bertuah (bersama-sama dengan no resit);
- iv. Peserta yang kehilangan tag joran dan resit pertandingan akan dikenakan denda **RM30.00** sebagai bayaran kepada pihak penganjur bagi mengeluarkan tag joran dan resit yang baru kepada peserta.

5.0 HADIAH PERTANDINGAN

Hadiah menarik disediakan dan peserta layak memenangi lebih daripada satu (1) hadiah yang dipertandingkan seperti berikut:

- | | | |
|-------|-------------------|----------------|
| i. | Tempat Pertama | : RM 20,000.00 |
| ii. | Tempat Kedua | : RM 7,000.00 |
| iii. | Tempat Ketiga | : RM 3,000.00 |
| iv. | Tempat ke-4 | : RM 1,000.00 |
| v. | Tempat ke-5 | : RM 700.00 |
| vi. | Tempat ke-6 | : RM 500.00 |
| vii. | Tempat ke-7 | : RM 400.00 |
| viii. | Tempat ke-8 – 10 | : RM 200.00 |
| ix. | Tempat ke-11 – 20 | : RM 150.00 |
| x. | Tempat ke-21 – 30 | : RM 100.00 |
| xi. | Tempat ke-31 – 50 | : RM 80.00 |
| xii. | Tempat ke-51 – 80 | : RM 60.00 |

6.0 CABUTAN BERTUAH

Bagi memeriahkan lagi pertandingan ini, pihak penganjur turut menyediakan cabutan bertuah bagi setiap peserta yang menyertai pertandingan memancing ini.

7.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi di **talian: 03-8319 0200 / 300 atau Azly: 016-668 5564 atau Helmi: 017-668 5564 atau Moktar: 017-366 6660.**

8.0 SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN

8.1 PESERTA

- i. Peserta yang didapati menipu atau cuba menipu semasa pertandingan akan dibatalkan penyertaan serta merta dan yuran pendaftaran tidak akan dikembalikan;
- ii. Peserta dibenarkan mendirikan khemah 20 meter dari tebing tasik mulai **12 Mei 2017** pada jam **05.30 Petang**;
- iii. Peserta boleh mendaftar seberapa banyak batang joran dengan kadar bayaran **RM60.00/joran**;
- iv. Peserta hendaklah membuang sampah di tong sampah yang disediakan;
- v. Semua perbelanjaan bagi menyertai pertandingan ini adalah tanggungan sendiri dan pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas semua kehilangan, kemalangan atau kecelakaan yang menimpa peserta;

- vi. Peserta bebas memilih lokasi memancing tetapi dilarang keluar dari kawasan yang ditetapkan dan pihak penganjur berhak menentukan kawasan yang dibenarkan mengikut jumlah penyertaan; dan

8.2 KAWALAN KAWASAN

- i. Peserta **DILARANG** membuang sampah di kawasan memancing;
- ii. Kenderaan persendirian **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali memasuki kawasan memancing;
- iii. Peserta adalah **DILARANG** sama sekali masuk ke dalam tasik;
- iv. Peserta **DILARANG** merosakkan pokok dan tanaman di kawasan memancing.
- v. Peserta yang ditangkap kerana merosakkan pokok & persekitaran boleh dikenakan tindakan/kompaun oleh pihak majlis perbandaran sepang atau penyertaan dibatalkan;

8.3 UMPAN

- i. Peserta boleh menggunakan umpan seperti dedak/ cacing/ cengkerik/ roti/ pellet/ ikan hidup/ lipas/ lipan/ ulat gendon/ jenis-jenis ulat hidup/ bahan-bahan daripada buah-buahan seperti pisang/ betik/ buah kelapa sawit/ marshmallow/ telor kerengga.
- ii. Peserta **DILARANG** menggunakan umpan tiruan (Rapala)/organ dalaman haiwan/ umpan tapa/ katak/ anak itik/ anak ayam /umpan yang menggunakan organ haiwan yang berbau hanyir dan meloyakan/ cicak/ kuning telor.

8.4 MATA KAIL

- i. Pelampung, mata dua, mata spider dan mata tiga adalah **DILARANG**.

		
HANYA YANG DIBENARKAN	TIDAK DIBENARKAN	TIDAK DIBENARKAN

- ii. Penggunaan mata bom dan rambai adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

8.5 JORAN

- i. Joran yang digunakan mesti mempunyai tag yang disediakan oleh penganjur. Jika joran patah, peserta perlu memaklumkan kepada penganjur untuk mendapat tag joran yang baru.
- ii. Joran tanpa tag akan dibatalkan penyertaannya.
- iii. Tag joran yang dibekalkan perlu dilekatkan secara memanjang bermula dari tempat pemegang 'reef' sehingga gelang pertama joran masing-masing. Sila rujuk gambar di bawah:



8.6 Pancang

Pancang yang dibenarkan di dalam pertandingan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Pancang dibenarkan dipasang bermula pada **12 Mei 2017** pada pukul **7.30 pagi**;
- ii. Hanya pancang berbentuk 'Y' sahaja yang dibenarkan;
- iii. Pancang yang diikat dengan tali akan dipotong;
- iv. Keselamatan pancang adalah tanggungjawab peserta.

8.7 IKAN

- i. Semua spesis ikan keli **TIDAK DIPERTANDINGKAN**.
- ii. Segala tangkapan ikan oleh peserta adalah hak milik penganjur.



9.0 KAE DAH PENENTUAN PEMENANG BAGI PERTANDINGAN

- i. Kaedah penentuan pemenang dinilai bagi peserta yang mendapat berat timbangan tangkapan yang paling tertinggi.
- ii. Ikan yang berjaya dinaikkan oleh joran yang tidak dilekatkan tag joran,maka ikan tersebut tidak akan ditimbang.
- iii. Ikan yang dipertandingkan mesti memakan umpan. Sekurang-kurangnya satu mata kail perlu kena di bahagian dalam mulut sahaja untuk layak dipertandingkan (mata bom/rambai).
- iv. Selepas mendapat pengesahan tangkapan ikan daripada Marsyal, peserta perlu menghantar ikan ke meja Hakim untuk ditimbang dengan membawa bersama joran dengan diiringi oleh Marsyal.
- v. Ikan yang sudah berada di dalam tanggu ketika siren penamat dibunyikan layak dipertandingkan. Bagi ikan yang masih berada di dalam air ketika siren penamat dibunyikan, ikan berkenaan tidak layak dipertandingkan.

10.0 BANTAHAN

- i. Bantahan boleh dibuat dalam tempoh 15 minit selepas pertandingan tamat dengan setiap bantahan akan dikenakan bayaran sebanyak **RM 150.00**;
- ii. Bayaran tidak akan dikembalikan jika bantahan ditolak.

